

**MASALAH MASALAH PENJAJA WANITA BUMIPUTERA  
DI PASAR MINGGU SATOK**

**OLEH:**

**KASMARITA BINTI KASEH                    99126509**

**HERNANI BINTI MARIKAN                    99126114**

**Kertas Kerja ini dikemukakan kepada Fakulti pentadbitan dan Undang-Undang  
Kampus Samarahan Cawangan Sarawak bagi memenuhi sebahagian daripada  
syarat untuk mendapatkan diploma.**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SAMARAHAN  
CAWANGAN SARAWAK**

**10 SEPTEMBER 2002**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Surat Penyerahan	
Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Jadual dan Graf	iii

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Isi Pengenalan	1-2
1.2 Penyata Masalah	3-4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Skop Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Halangan atau Batasan Kajian	8-9
1.7 Kata-kata Istilah	10-11

### **BAB 2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

2.1 Ulasan Karya	12-15
2.2 Rangkaian susunan bab	16-17
2.3 Hipotesis	18
2.4 Andaian	19

## **SURAT PENYERAHAN**

Hernani bt Marikan dan Kasmarita bt Kaseh,  
Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang,  
Diploma Pentadbiran Awam  
Universiti Teknologi MARA  
94300 Kota Samarahan  
Sarawak.

---

10 September 2002

Mr Nicholas Amin  
Pensyarah PAD 340  
Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang  
Diploma Pentadbiran Awam  
Universiti Teknologi MARA  
94300 Kota Samarahan  
Sarawak.

Tuan,


### **PEYERAHAN KEPUTUSAN KAJI SELIDIK ( PAD 340 )**


Dengan ini kami menyerahkan keputusan Kaji Selidik yang telah disiapkan bertajuk  
**“MASALAH-MASALAH PENJAJA WANITA DI PASAR MINGGU SATOK”**  
sebagai memenuhi syarat mendapatkan Diploma Pentadbiran Awam

2: Diharap agar kajian ini memenuhi segala syarat-syarat yang diperlukan dan mendapat perhatian dari pihak tuan.

Terima Kasih

Yang Benar

  
(HERNANI BINTI MARIKAN)

  
(KASMARITA BINTI KASEH)

## **ABSTRAK**

Dalam mengkaji kecenderungan dan permasalahan yang dihadapi oleh penjaja-penjaja wanita bumiputera khususnya, kami telah meyediakan 100 set borang kaji selidik untuk mendapat maklumat maklumat dari responden.

Kami telah membawa borang kaji selidik di kawasan tumpuan kajian iaitu di Pasar Minggu Satok serta menemuduga mereka berdasarkan borang kaji selidik. Tetapi sehingga kajian ini dibuat, kami hanya berjaya memperolehi sebanyak 64 unit borang kaji selidik yang dapat dipenuhi dan kami menggunakan jumlah tersebut bagi mewakili sampel di kawasan tersebut.

Hasil daripada analisa yang telah dibuat, kajian ini mendapati kecenderungan wanita untuk menjadi penjaja disebabkan latar belakang keluarga dan permasalahan yang di hadapi mereka hingga kini masih belum deselesaikan. Fenomena inilah yang menyebabkan ekonomi negara lambat untuk berkembang. Matlamat kerajaan untuk menarik minat orang ramai untuk menjadi usahawan dan berkecimpung di dalam dunia perniagaan. Oleh sebab demikian satu cara penyelesaian perlu dibuat dan direalisasi bagi memastikan masalah yang dihadapi tidak menjaskan penjaja-penjaja dan kerajaan yang menaruh harapan kepada mereka.

Kaedah ataupun cara yang paling sesuai untuk mengatasi masalah ini ialah dengan membantu untuk manjalinkan satu rangkaian kerjasama di antara penjaja-penjaja dan pihak berwajib. Ini disebabkan jika rangkaian ini dapat dibina, penyaluran maklumat mengenai dunia perniagaan dapat disalurkan agar penjaja-penjaja dapat memantapkan diri mereka seiring dengan arus pembangunan. Selain itu pihak berwajib juga dapat mengawal dan memantau kegiatan –kegiatan penjaja tersebut.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Isi pengenalan**

Penyertaan wanita dalam bidang ekonomi bukanlah perkara baru buat abad ini. Kebangkitan mereka telah membuka mata dan sekaligus membuktikan kebolehan dan bakat yang ada pada diri mereka. Kehadiran mereka juga telah membawa satu perubahan yang positif dalam membantu negara menghadapi pergolakan arus globalisasi yang kian terasa. Dengan ini mereka telah berjaya meletakkan diri mereka setaraf dengan lelaki. Namun sebagai wanita yang berkerjaya sedikit sebanyak mengugat fungsi lelaki dalam mencari nafkah untuk keluarga mereka.

Kajian ini memfokuskan wanita yang bekerja sebagai penjaja dan kecenderungan mereka memilih pekerjaan ini serta permasalahan yang dihadapi dalam menjalankan kehidupan sebagai penjaja. Kebolehan dan bakat mereka dalam dunia perniagaan ini banyak memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara dan juga ekonomi keluarga. Penyertaan dalam bidang ekonomi bukan sahaja dipolopori oleh wanita bumiputera malahan yang bukan bumiputera juga turut mempolopori.

Dengan adanya persaingan di antara bumiputera dan bukan bumiputera ini dapat membantu meningkatkan mutu dan kualiti barang masing-masing. Persaingan harus dilihat secara positif. Ini kerana persaingan akan memotivasi diri kita untuk memajukan diri serta melangkah dengan lebih jauh lagi. Wanita seharusnya tidak mengaku kalah kepada sesuatu yang belum wanita perjuangkan. Wanita harus berani dalam menyahut segala cabaran yang mendatang kerana hanya masa yang akan